**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 21 Dis 2020 (Isnin)

**Utusan Malaysia**
Segerakan akta anti lompat parti 1
Nikah Siam online tidak sah 2
Ramai risik calon Menteri Besar Johor 3
Pas pilih neraca, ijtihad berbeza 4

**Harian Metro**
2 lagi kakitangan HTAR positif Covid-19 5
Tanda penghargaan kami 6
Penyambung legasi penempa keris 7

**Bernama News Channel**
Buku Panduan Pengguna Bijak Bantu Perangi Penipuan 8

**Selangor TV**
MBSA lulus 62 permit penjaja, bantu jana pendapatan 9
Sita kerusi meja, penjaja ingkar dikompaun 10

**The Star**
COUNCIL MATTERS 11
Discount scheme for seniors launched in bukit gasing constituency 12
New soup kitchen opens in Puchong 13
RM2mil voucher subsidy to help revive Selangor tourism 14

**China Press**
JPS repairs damaged water gate, 15
Businesses wish to say goodbye to floods

**Sin Chew Daily**
Teng Chang Khim : Workers live separately, not in one pace; Big pasars should consider if they want EMCO 16

**Guang Ming Daily**
With the coming of the winter solstice, 17
Ng Sze Han sent pig knuckles to residents of Bandar Kinrara

**Makkal Osai**
Covid-19 inspection intensified in areas around Meru 18

**Malaysia Nanban**
Covid-19 sanitation work intensified in Klang areas 19
Markets will be closed! 20

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR** | | |
|---|---|---|
| **21 December 2020** | | |
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Segerakan akta anti lompat parti |
| Muka Surat | : | 1 |

Jika mahu PRU-15 'bersih', politik negara stabil

# Segerakan akta anti lompat parti

**Oleh ZABRY MOHAMAD MADZLAN**
zabry.madzlan@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Akta Anti Lompat Parti dan Akta Dana Politik perlu segera diperkenalkan jika mahu melihat Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) nanti 'bersih', seterusnya memastikan kestabilan politik terjamin.

**WAWANCARA DATUK SERI AKHBAR SATAR**
» 14 & 15

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Persatuan Pemeriksa Fraud Bertauliah Malaysia, Datuk Seri Akhbar Satar berkata, selagi akta-akta itu tidak dikuatkuasakan, selagi itulah rakyat terpaksa berdepan pergolakan serta ketidaktentuan politik termasuk terbaharu yang berlaku di Perak baru-baru ini.

"Bagi membendung masalah ini, tiba masanya kita memperkenalkan Akta Anti Lompat Parti dan Akta Dana Politik. Selagi rasuah politik tidak dibanteras dahulu dan tiada akta-akta sebegini, kestabilan politik susah wujud dan dikhuatiri pergolakan politik berterusan yang kita saksikan dalam tempoh setahun kebelakangan ini termasuk terbaharu di Perak akan terus berlaku.

**Bersambung di muka 2**

## SENARAI LOMPAT PARTI

### UMNO KE BERSATU

1. **Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee** (Beluran)
2. **Datuk Seri Mustapa Mohamed** (Jeli)
3. **Datuk Seri Hamzah Zainudin** (Larut)
4. **Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad** (Mersing)
5. **Datuk Seri Ikmal Hisham Abdul Aziz** (Tanah Merah)
6. **Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali** (Bagan Serai)
7. **Datuk Mas Ermieyati Samsudin** (Masjid Tanah)
8. **Datuk Rosol Wahid** (Hulu Terenggganu)
9. **Datuk Abd. Rahim Bakri** (Kudat)
10. **Datuk Shabudin Yahaya** (Tasek Gelugor)
11. **Datuk Azizah Mohd. Dun** (Beaufort)
12. **Datuk Mohd. Fasiah Mohd. Fakeh** (Sabak Bernam)
13. **Datuk Zakaria Mohd. Edris** (Libaran)
14. **Yamani Hafez Musa** (Sipitang)
15. **Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal** (Bukit Gantang)

### PKR KE BERSATU

1. **Datuk Mohd. Rashid Hasnon** (Batu Pahat)
2. **Datuk Seri Mohamed Azmin Ali** (Gombak)
3. **Datuk Saifuddin Abdullah** (Indera Mahkota)
4. **Zuraida Kamaruddin** (Ampang)
5. **Datuk Kamarudin Jaffar** (Bandar Tun Razak)
6. **Jonathan Yasin** (Ranau)
7. **Datuk Seri Dr. Santhara Kumar** (Segamat)
8. **Datuk Mansor Othman** (Nibong Tebal)
9. **Ali Biju** (Saratok)
10. **Willie Mongin** (Puncak Borneo)

### PKR KE PSB (PARTI SARAWAK BERSATU)

1. **Baru Bian** (Selangau)

### BERSATU KE BEBAS

1. **Tun Dr. Mahathir Mohamad** (Langkawi)
2. **Datuk Seri Mukhriz Mahathir** (Jerlun)
3. **Dr. Maszlee Malik** (Simpang Renggam)
4. **Syed Saddiq Syed Abdul Rahman** (Muar)
5. **Datuk Amiruddin Hamzah** (Kubang Pasu)
6. **Datuk Dr. Shahruddin Md. Salleh** (Sri Gading)

# Segerakan akta anti lompat parti

**Dari muka 1**

"Sekarang nak kekal jawatan terpaksa bagi jawatan *trade off trading*. Selagi benda ini tidak jadi kesalahan jenayah, orang politik akan terus buat," katanya dalam temu bual baru-baru ini.

Menurut Akhbar yang juga Ahli Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, integriti dan kejujuran intelek (*intellectual honesty*) adalah perkara paling sukar ditemui dalam kalangan pemimpin hari ini.

Jelasnya, faktor paling utama untuk seseorang pemimpin dihormati ialah integriti yang tidak boleh dipersoal.

"Di Malaysia, bukan sahaja integriti tetapi kejujuran intelektual juga tidak berapa nak ada. Maksudnya, perbuatan tidak selari dengan perkataan, janji tidak ditunaikan.

"Golongan ini masuk politik bukan untuk bantu rakyat tetapi untuk cari harta dan kuasa," ujarnya.

■ **Ikuti temu bual Utusan Malaysia bersama Akhbar di muka surat 14 dan 15.**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**21 December 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Nikah Siam online tidak sah |
| Muka Surat | : | 4 |

## Hanya boleh diadakan jika dapat kelulusan khas – Mufti

# Nikah Siam *online* tidak sah

**Oleh OMAR ZIN**
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Pasangan Malaysia yang bernikah di Thailand secara dalam talian adalah tidak sah dan tidak akan diiktiraf oleh mana-mana jabatan agama Islam di negara ini.

Mufti Negeri Selangor, Datuk Mohd. Tamyes Abd. Wahid berkata, pernikahan dalam talian hanya boleh diadakan jika mendapat kelulusan khas malah masih ada proses yang perlu dilalui secara fizikal.



"Di Selangor misalnya, nikah *online* diadakan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan dalam tempoh singkat sebelum Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) kembali mengadakan secara fizikal.

"Walaupun nikah *online* sekali pun, ada proses yang masih perlu dibuat secara fizikal seperti perakuan surat nikah, mengenal pasti wali dan pengantin serta perlu dijalankan oleh jurunikah bertauliah," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Beliau menasihatkan kepada pasangan yang ingin berkahwin supaya melalui proses yang sah di sisi undang-undang dan agama Islam.

Katanya, nikah tanpa melalui proses sah akan memberi kesan kepada anak-anak di masa akan datang.

> **Walaupun nikah *online* sekali pun, ada proses yang masih perlu dibuat secara fizikal seperti perakuan surat nikah, mengenal pasti wali dan pengantin serta perlu dijalankan oleh jurunikah bertauliah."**
>
> **MOHD. TAMYES ABD. WAHID**

"Proses perkahwinan ini tidak boleh dibuat seperti membeli barang secara dalam talian, ia harus bersistematik dan mengikut syarak. Ambillah jalan halal, ini demi masa depan zuriat.

"Jika anak hendak berkahwin dan didapati anak tidak sah taraf kerana surat nikah ibu bapa tidak diiktiraf, ini akan menimbulkan masalah, jadi perlu ada kesedaran terhadap perkara ini," katanya.

Semalam *Mingguan Malaysia* melaporkan nikah Siam secara *online* menjadi popular dalam kalangan pasangan Malaysia selepas beberapa ejen muncul di Kedah dan Perlis yang menawarkan khidmat itu berikutan penutupan sempadan di Thailand akibat Covid-19.

Pasangan hanya perlu hadir di lokasi tertentu bagi urusan pernikahan secara *online*, sebelum menerima surat nikah dan dokumen-dokumen lain yang didakwa sah dalam masa beberapa hari.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 21 December 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Ramai risik calon Menteri Besar Johor |
| Muka Surat | : | 6 |

# Ramai risik calon Menteri Besar Johor

**FOKUS**

**Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

**WALAUPUN** Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) tidak mungkin berlaku dalam masa terdekat, sudah timbul desas-desus mengenai kedudukan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor sehingga membabitkan calon Menteri Besar dalam kalangan pemimpin Perikatan Nasional (PN).

Difahamkan, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) sudah memulakan langkah merisik kerusi Menteri Besar Johor sekiranya PN memenangi PRU-15 termasuk mereka kini mempunyai calon tertentu untuk diketengahkan bagi jawatan tersebut.

Desas-desus mengatakan Datuk Mohd. Rashid Hasnon akan berpindah kerusi dari Parlimen Batu Pahat untuk bertanding salah satu kerusi DUN di Johor timur sekaligus menguatkan khabar angin mengatakan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat itu bakal menjadi Menteri Besar Johor Ke-19

Menurut sumber, Mohd. Rashid mempunyai kriteria terbaik untuk menggalas tanggungjawab sebagai Menteri Besar dan mempunyai perwatakan merendah diri dalam kalangan penduduk.

"Beliau pada mulanya tidak digemari penduduk Batu Pahat, namun atas perwatakan merendah diri serta mendengar keluh kesah masalah akar umbi menyebabkan Mohd. Rashid semakin diterima dalam kalangan penduduk.

"Lagi satu, beliau sering turun padang dan kawasan pada setiap hujung minggu," katanya.

Kekosongan yang ditinggalkan Mohd. Rashid menguatkan lagi perkhabaran bahawa Menteri Kanan (Ekonomi), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali bakal berpindah kerusi Parlimen dari Gombak ke Batu Pahat.

Sekiranya itu terjadi, bagaimana kedudukan UMNO selaku parti paling lama di samping masih mempunyai pengaruh di Johor malah mempunyai barisan pemimpin yang berpengalaman dan berkaliber? Antaranya, penyandang Menteri Besar, Datuk Hasni Mohammad; Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Johor, Datuk Nur Jazlan Mohamed dan dalam kalangan pemimpin Pemuda UMNO.

Malah terdapat cakap-cakap mengatakan Hasni akan berpindah dari negeri ke Pusat iaitu daripada DUN Benut ke Parlimen bagi menggantikan Datuk Seri Ahmad Maslan yang dikatakan tidak bertanding dalam PRU-15.

DUN Johor juga masih mempunyai tiga bekas Menteri Besar yang masih bergelar ADUN iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Osman Sapian dan Datuk Dr. Sahruddin Jamal. Sekiranya ditolak nama Muhyiddin sebagai Perdana Menteri, bagaimana dengan kedudukan Osman dan Dr. Sahruddin?

Osman dikatakan tidak berminat untuk bertanding dalam PRU-15 namun beliau pernah menyatakan minat untuk kerusi Parlimen pula. Hanya Dr. Sahruddin yang masih berteki-teka terhadap masa depan politiknya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR** | | |
|---|---|---|
| **21 December 2020** | | |
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Pas pilih neraca, ijtihad berbeza |
| Muka Surat | : | 16 |



**Rencana**

PM TEPI!



Oleh ZULKIFLI JALIL
zul.jalil@mediamulia.com.my



FAKTANYA, kerjasama Muafakat Nasional membuahkan hasil berbaloi. Kemenangan bergaya Barisan Nasional (BN) di DUN Slim, 29 Ogos lalu dengan majoriti besar menjadikan kedudukan 7-0 kejayaan gabungan itu dalam siri pilihan raya kecil (PRK) yang dibentuk UMNO-Pas.

# Pas pilih neraca, ijtihad berbeza

SEHARI dua ini tular di WhatsApp, ciapan Twitter Presiden UMNO mengenai satu kajian dari akar umbi UMNO terhadap kerjasama parti itu dengan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu).

Saya andaikan orang UMNO pun sudah ikuti *tweet* ini. Daripada 191 bahagian, sejumlah 137 bahagian menolak kerjasama ini.

Sebelum Perikatan Nasional (PN) ditubuhkan lagi pun difahamkan sudah ada *deal* dalam Muafakat Nasional (MN) antara UMNO dan Pas untuk menentukan agihan kerusi Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Tiga kriteria ditetapkan:

1) *Status quo* kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dimenangi mana-mana calon UMNO atau Pas, kekal di tangan penyandang masing-masing.

2) Parti yang meraih undi kedua tertinggi di kerusi yang kalah, dipersetujui menjadi calon mewakili MN.

Contoh:
i. P. 149 - SRI GADING
PH : 21,511 undi (Sharuddin Md. Salleh)
UMNO/BN: 18,223 (Datuk Ab Aziz Kaprawi)
Pas: 4,548 (Lt. Kol. Haji M Ashari Sidon)
Keputusan: Calon UMNO bertanding di situ pada PRU-15.

ii) P.057 - PARIT BUNTAR
PH: 16,753 (Datuk Mujahid Yusof)
UMNO/BN: 13,655 (Abdul Puhat Mat Nayan)
Pas: 12,312 (Ahmad Azhar Sharin)
Keputusan: Calon UMNO bertanding.

iii) P.077 - TANJONG MALIM
PH: 24, 672 (Chang Lih Kang)
BN: 19,314 (Dr. Mah Hang Soon)
Pas: 10, 311 (Ustaz Mohd. Tarmizi)
Keputusan: Calon BN bertanding.

3) UMNO-Pas boleh saling bertukar-tukar kerusi Parlimen dan DUN dengan syarat dipersetujui bahagian dan kawasan. Dengan kata lain, UMNO berlapang dada menyerahkan kerusi dimenanginya kepada Pas untuk ditandingi. Demikianlah juga timbal balik daripada Pas.

Contoh:
i. P. 059 BUKIT GANTANG
UMNO/BN: 22,450 (Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal)
PH: 18,361 (Datuk Khadri Khalid)
Pas: 16, 052 (Ustaz Idris Ahmad)
Keputusan: Calon Pas bertanding PRU-15.

ii) P.028 PASIR PUTEH
Pas: 32,307 (Ustaz Dr. Nik Zawawi)
UMNO/BN: 30,947 (Dr. Asyraf Wajdi Dusuki)
PH: 4,896 (Datuk Kamarudin)
Keputusan: Calon UMNO bertanding PRU-15.

Faktanya, kerjasama MN membuahkan hasil berbaloi. Kemenangan bergaya Barisan Nasional (BN) di DUN Slim, 29 Ogos lalu dengan majoriti besar, menjadikan kedudukan 7-0 kejayaan gabungan itu dalam siri pilihan raya kecil (PRK) yang dibentuk UMNO-Pas.

PH sebelum ini kalah kesemua enam PRK disaingi mereka di Cameron Highlands, Semenyih, Rantau, Tanjung Piai, Kimanis dan Chini. Cuma pada pasca PRU-14, yakni ketika peringkat awal BN tumbang 2018, lima kerusi berjaya dipertahankan oleh PH iaitu PRK DUN Sungai Kandis, DUN Seri Setia, DUN Balakong, Parlimen Port Dickson dan Parlimen Sandakan.

Demikianlah hukum-hakam politik hari ini. Sukar dijangka. Politik berubah bukan lagi setiap tahun, bulan dan minggu lagi. Tetapi setiap minit dan jam.

**UJIAN PANGKAT, KUASA**

Malam kelmarin, sempat saya bersembang dengan penganalisis isu semasa, Datuk Dr. Ahmad Faris Abdul Halim. Beliau mempersoalkan mengapa Pas kebelakangan ini memilih neraca berbeza serta 'menghalalkan ijtihad' bila bertembung dengan UMNO dalam satu-satu isu.

"Bila UMNO hendak berkawan dengan si polan A ini, Pas menentang kerana katanya bersabit isu moral. Tapi apa beza dengan si polan B yang bersama Pas waktu ini. Bila Pas dengan Bersatu okey, tetapi UMNO dengan Amanah tak boleh. Apa neraca yang dipakai oleh Pas?

"Hubungan kerjasama Pas-UMNO sudah cukup cantik dalam tempoh 22 bulan PH memerintah. Antaranya, menentang percubaan meratifikasi ICERD (Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum), UEC (Sijil Peperiksaan Bersepadu) dan mengusahakan pindaan RUU 355 (Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah ( Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016. Tapi sekarang?" kata Ahmad Faris.



AHMAD FARIS ABDUL HALIM

Ahmad Faris mengingatkan Pas bahawa jawatan dan kekayaan yang dimiliki akan diuji oleh Allah. Ini jelas diterangkan dalam sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh at-Tirmidzi bermaksud: *"Sesungguhnya bagi setiap umat ada ujian dan ujian bagi umatku ialah harta kekayaan."*

Demikian juga dengan orang yang diuji dengan pangkat dan kekuasaan, sehinggakan mereka menyangka mereka telah berkuasa sepenuhnya dan memiliki segala-galanya.

"Hal ini diperingatkan Allah dalam firman-Nya bermaksud: *"Ketahuilah! Sesungguhnya manusia benar-benar melampaui batas ketika menganggap dirinya serba cukup. Sesungguhnya hanya kepada Tuhanmu tempat kembali."* (QS Al-Alaq:6-8)," kata Ahmad Faris lagi.

Bagi Ahmad Faris, dalam kemelut apa yang dikatakan 'pergeseran' antara Pas-UMNO, pendek kata MN, ia bukanlah salah UMNO mahupun Bersatu. Tapi yang salahnya adalah Pas.

"Ijtihad apa yang diguna oleh Pas dan sekarang ijtihad apa pula yang diguna?" katanya.

Hubungan UMNO-Pas ibarat ditelan mati emak, diluah mati bapa. Dalam grup WhatsApp Jawatankuasa Pemandu Pusat MN dalam seminggu dua ini, saya difahamkan perbincangan pasal agihan kerusi 'panas.' Turut membabitkan, perang mulut antara ketua pemuda UMNO dan Pas selain menteri besar Kedah dari Pas.

Kata Majlis Syura Ulama Pas: "Perkasakan MN dan pertahankan PN."

Tegas Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang pula, "Pas pertahankan Tan Sri Muhyiddin, terus kukuh MN, PN."

Semua ini dikatakan meletakkan UMNO dalam persimpangan dilema. Berbelah bahagi jika 150 kerusi Parlimen Melayu/ bumiputera daripada 222 dibahagikan tiga pula antara UMNO-Pas-Bersatu. Dan berapalah agaknya UMNO akan menang. Baki 30 kerusi lagi adalah kawasan campuran manakala 42 kerusi adalah majoriti Cina.

Waima apa pun, duduk berbincang. Fikirkan impak masa panjang.

Jika menerusi persepakatan UMNO-Pas-Bersatu merupakan satu-satunya jalan terbaik untuk menumpaskan saingan, buktikanlah kejujuran dan keikhlasan masing-masing.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**21 December 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | 2 lagi kakitangan HTAR positif Covid-19 |
| Muka Surat | : | 6 |

# 2 lagi kakitangan HTAR positif Covid-19

**Shah Alam:** Dua lagi kakitangan Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang disahkan dijangkiti Covid-19 semalam.

Pengarah Kesihatan Negeri Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata, ini menjadikan jumlah keseluruhan kakitangan di hospital berkenaan yang dijangkiti Covid-19 adalah seramai 62 individu.

"Selain kakitangan HTAR, dua pesakit juga disahkan dijangkiti Covid-19.

"Ini menjadikan jumlah keseluruhan individu dijangkiti Covid-19 di HTAR adalah seramai 143 individu. Ia membabitkan 62 kakitangan dan 81 pesakit yang menerima rawatan setakat ini.

"Terdapat juga kakitangan yang sudah tamat *Home Surveillance Order* (HSO). Mereka didapati negatif dijangkiti Covid-19 dan mula bertugas. Secara keseluruhannya keadaan adalah terkawal," katanya ketika dihubungi Harian Metro semalam.

*"Ini menjadikan jumlah keseluruhan individu dijangkiti Covid-19 di HTAR seramai 143 individu. Ia membabitkan 62 kakitangan dan 81 pesakit menerima rawatan setakat ini"*

**Dr Sha'ari**

Sementara itu, beliau berkata, terdapat pertambahan dua kakitangan dijangkiti Covid-19 di Hospital Serdang namun tiada pertambahan pesakit yang dijangkiti.

"Secara keseluruhannya seramai 37 kakitangan dan 28 pesakit dijangkiti.

"Ini menjadikan jumlah keseluruhan individu positif Covid-19 di Hospital Serdang adalah seramai 65 individu. Status terkini di hospital itu adalah terkawal," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>21 December 2020 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Tanda penghargaan kami |
| Muka Surat | : | 10 |



Oleh Norzamira Che Noh
am@hmetro.com.my



AMIRUDIN (tiga dari kanan) melancarkan Kempen Nak Bercuti? Pusing Selangor Dulu! di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Turut hadir, Loy Sian (dua dari kanan) dan Pengurus Besar Tourism Selangor, Azrul Shah Mohamad (kanan).

# 'Tanda penghargaan kami'

## *Kerajaan negeri tawar 3,000 petugas barisan hadapan baucar pelancongan bernilai RM200*

**Shah Alam**

Kerajaan negeri menawarkan baucar pelancongan bernilai RM200 kepada 3,000 petugas barisan hadapan sebagai tanda penghargaan kepada golongan itu.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pemberian baucar itu sebahagian daripada intipati Pakej Pemulihan Ekonomi Selangor yang diumumkan pada Julai lalu.

"Kita memberikan baucar berkenaan sebagai tanda penghargaan kepada petugas barisan hadapan yang bertugas secara berterusan lebih tujuh bulan lalu (apabila negara mula berdepan pandemik Covid-19).

"Bagi memilih penerima yang layak, kita akan menghubungi pihak berkaitan seperti polis, tentera dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mendapatkan senarai individu yang layak.

"Penerima boleh menebus baucar berkenaan menerusi dua platform iaitu Lazada dan e-Dompet Touch 'n go," katanya pada sidang media Majlis Pelancaran Kempen Promosi Pelancongan ***Nak Bercuti? Pusing Selangor Dulu*** di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Beliau berkata, pemberian baucar berkenaan dilakukan bermula 8 hingga 31 Januari 2021 dan ia sah ditebus sehingga 30 Jun.

Katanya, selain petugas barisan hadapan, orang awam juga berpeluang menikmati 7,000 baucar ditawarkan menerusi kempen ini.

Ketika melancarkan kempen berkenaan, Amirudin memaklumkan keunikan dan kepelbagaian elemen di sembilan daerah di negeri ini pasti akan menarik pelancong.

"Kita memiliki aset pelancongan yang menarik iaitu pelancongan eco dan semula jadi; sukan ekstrem; aktiviti *homestay* dan pelancongan agro; warisan dan budaya, taman tema serta pengalaman membeli belah," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan Pelancongan, Alam Sekitar Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli negeri, Hee Loy Sian berkata, kempen berkenaan akan berlangsung selama enam bulan bermula Januari dan pihaknya mungkin akan melancarkan Pusing Selangor 2.0 selepas itu.

Katanya, pihaknya menyasarkan seramai mungkin pelancong dari dalam dan luar Selangor menyertai kempen ini seterusnya dapat mengembalikan industri pelancongan negeri ini seperti sebelum ini.

"Kita menyasarkan lima juta pengunjung untuk kempen enam bulan ini dan kita turut menyasarkan pelancong dari luar Selangor ,justeru itu, kita tidak mengehadkan baucar pelancongan kepada rakyat Selangor sahaja.

"Dengan pembukaan semula sempadan rentas negeri, saya yakin kita boleh mencapai sasaran itu," katanya.

Pada majlis berkenaan, Cik Puan Juliana Evans turut diperkenalkan sebagai duta kempen Pusing Selangor Dulu dan sebanyak 17 pakej pelancongan usahasama antara pihak *Tourism Selangor* dan *Malaysian Inbound Tourism Association* (Mita) turut dilancarkan.

**7,000**
Jumlah baucar ditawarkan kepada orang awam manakala pemberian dilakukan mulai 8 hingga 31 Januari 2021



*"Penerima boleh menebus baucar berkenaan menerusi dua platform iaitu Lazada dan e-Dompet Touch 'n go"*
**Amirudin Shari**




DUTA Kempen Nak Bercuti? Pusing Selangor Dulu!, Che Puan Juliana Evans hadir pada majlis pelancaran kempen pelancongan terbabit.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 21 December 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Penyambung legasi penempa keris |
| Muka Surat | : | 17 |



MOHD Rusdy menunjukkan keris yang berada di dalam simpanannya ketika ditemui di Batu 20, Jeram.

# Penyambung legasi penempa keris

## *Along waris kemahiran keluarga pelihara khazanah tradisional*

**Oleh Amirul Aiman Hamsuddin**
am@hmetro.com.my

**Kuala Selangor**

Ketika rakan sebaya lain berhijrah ke kota mencari pekerjaan, Mohd Rusdy Rusli, 27, memilih kerjaya sebagai penempa keris yang diwarisi daripada keluarga sejak lima tahun lalu.

Walaupun kerjaya itu dianggap tidak menjamin kekayaan namun anak sulung daripada lima beradik ini sanggup melakukannya demi memelihara warisan tradisional agar tidak dilupakan generasi muda.

Muhd Rusdy berkata, memilih menjadi penempa keris bukan pekerjaan yang mudah kerana ia memerlukan kemahiran dan kesabaran yang tinggi dalam menghasilkan keris berkualiti.

Dia yang mesra dipanggil Along berkata, bapanya, Rusli Hashim, 54, banyak membantunya dalam mempelajari bidang berkenaan hingga dia mengambil keputusan meneruskan legasi itu hingga kini.

"Untuk menghasilkan keris perlu ada peraturan dan tertib tertentu. Ramuan bahan untuk membuatnya terdiri daripada tujuh Pa iaitu parang, pagar, palung, pasak, paku, pahat dan pahar yang mana semua bahan ini perlu dicari di tujuh daerah berlainan dan sifatnya mesti 'patah'.

"Selepas itu, saya mesti mempunyai dapur untuk sebatikan semua bahan (tujuh Pa) tadi termasuk memiliki 'parun' iaitu tempat menempa besi. Api yang kuat antara rahsia keris dihasilkan di mana suhunya antara 180 hingga 1,200 darjah Celsius mengikut gred besi yang diambil, "katanya.

"Kemudian, keris perlu 'disepuh' dalam empat elemen iaitu sepuh air, sepuh minyak, sepuh garam dan sepuh tanah bertujuan untuk menguatkan besi.

"Kenangan yang tidak boleh dilupakan adalah saya membuat keris untuk dijadikan sebagai cenderahati kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) Klang, kira-kira empat tahun lalu.

"Saya juga mendapat kepercayaan daripada Muzium Selangor untuk membaiki senjata pada tahun 2011.

"Meskipun sebilah keris mengambil masa lapan bulan untuk disiapkan, ia memerlukan ketelitian serta penghayatan yang tinggi dalam menghasilkan karya yang terbaik," katanya.

Tambahnya, tugas menghasilkan keris juga mempunyai pantang larang dan adab di mana keris tidak boleh disepahkan serta perlu diletak di tempat tinggi.

"Kita jangan anggap keris sebagai senjata sakti, tetapi anggaplah ia khazanah penting yang perlu dijaga dengan sebaiknya," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR<br>20 December 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Bernama News Channel |
